



KEMENTERIAN SUMBER ASLI
DAN KELESTARIAN ALAM

SIARAN MEDIA

SAMBUTAN HARI AHLI GEOLOGI PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 2026

Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam, YB Dato' Sri Arthur Joseph Kurup hari ini menyempurnakan Sambutan Hari Ahli Geologi Peringkat Kebangsaan 2026 (HAG 2026) yang julung kali dianjurkan. Program ini merupakan hasil kerjasama Lembaga Ahli Geologi Malaysia (BoG) bersama Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia (JMG), Institut Geologi Malaysia (IGM) serta Persatuan Geologi Malaysia (GSM).

Penganjuran sambutan ini mencerminkan satu langkah penting dalam memperkasa dan memartabatkan profesion ahli geologi di Malaysia pemacu utama pembangunan negara. Kehadiran lebih 200 peserta daripada pelbagai latarbelakang mencerminkan kesepaduan ekosistem geosains negara dalam mendukung aspirasi Malaysia MADANI yang menitikberatkan kemampanan, kesejahteraan rakyat dan kemakmuran ekonomi.

Mengangkat tema "*Geologi Memacu Ekonomi, Melindungi Komuniti, Asas Pembangunan Lestari*", sambutan ini menegaskan peranan strategik geologi bukan sahaja sebagai pemangkin pertumbuhan ekonomi berasaskan sumber, malah sebagai benteng keselamatan awam melalui pengurusan risiko geobencana yang lebih bersepadu dan berasaskan data dan fakta sains.

Dalam ucapannya, YB Menteri menegaskan bahawa profesion ahli geologi merupakan antara tunjang kritikal negara dalam memastikan keseimbangan antara pembangunan ekonomi dan kelestarian alam sekitar. Kepakaran dalam bidang ini merangkumi sektor perlombongan, tenaga, pembangunan infrastruktur serta pengurusan risiko bencana yang secara langsung menyumbang kepada keselamatan dan kesejahteraan rakyat.

Sambutan HAG 2026 turut diperkukuh dengan peluncuran Garis Panduan Penyiasatan dan Penguatkuasaan Inspektor Lembaga Ahli Geologi, yang akan memperkemas fungsi kawal selia profesion serta meningkatkan kecekapan dan integriti pelaksanaan penguatkuasaan di lapangan.

Selain itu, sambutan ini turut mencipta sejarah melalui penganjuran julung kali Anugerah Tokoh Geologi yang merangkumi kategori Tokoh Ahli Geologi Lelaki, Tokoh Ahli Geologi Wanita, Tokoh Industri Geologi dan Tokoh Komuniti Geologi; sebagai menghargai sumbangan besar tokoh-tokoh berkenaan dalam memajukan bidang geologi di peringkat nasional dan antarabangsa.

Menyentuh aspek keselamatan rakyat, YB Menteri memaklumkan bahawa Kerajaan memberi penekanan serius terhadap pengurusan risiko bencana geologi melalui inisiatif penubuhan Pusat Bencana Geologi Negara demi memastikan keselamatan rakyat sentiasa terpelihara. Beliau turut menegaskan bahawa bidang geologi wajar diberikan pengiktirafan sewajarnya sebagai salah satu nadi utama kemajuan negara dan NRES komited untuk meletakkan penyelidikan dalam bidang geologi di barisan hadapan pembangunan negara. Mengulas hala tuju masa hadapan, YB Menteri berkata: "Menjelang tahun 2027, Kerajaan akan memperkukuh kerangka perundangan melalui pembentangan Rang Undang-Undang (RUU) Survei Geologi dan Geosains di Parlimen, diikuti dengan pengubalan Dasar Geosains Negara'.

YB Menteri turut menyeru semua pihak termasuk agensi kerajaan, industri dan komuniti penyelidik untuk terus berganding bahu dalam memajukan sektor berasaskan geologi secara bertanggungjawab inklusif dan berlandaskan prinsip kelestarian demi kepentingan generasi masa hadapan.

KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM (NRES)
4 MEI 2026

